

**SULIT**

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL I**

**KAEDAH MEMAHAMI AL-HADITH**

**JANUARI 2019**

**MASA : 1 JAM**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

***Arahan:***

- 1. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.*
- 2. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
- 3. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.*
- 4. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak termasuk muka hadapan

**[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT**

**Arahan : Sila Jawab SATU (1) Soalan Sahaja****Soalan 1**

Imam al-Bukhari dan Imam al-Tirmizi adalah antara ilmuan yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi. Berdasarkan terjemahan keratan dari Sahih al-Bukhari dan Sunan al-Tirmizi di bawah, jelaskan sudut-sudut yang menampakkan penguasaan mereka dalam memahami teks hadith.

Terjemahan keratan dari Sahih al-Bukhari	Terjemahan keratan dari Sunan al-Tirmizi
<p>Kitab: Faraid</p> <p>Bab: Harta pusaka (bagi pewaris yang jadi tawanan perang</p> <p>(al-Bukhari) berkata: (Qadhi) Syurayh telah menetapkan hak harta pusaka kepada tawanan perang yang berada di pihak musuh, dan berkata: Beliaulah yang paling memerlukannya (harta).</p> <p>(Khalifah) Umar ibn Abdul Aziz berkata: “Berikan hak mendapat harta wasiat kepada tawanan perang, (gunakan) untuk menebusnya dan berbuat apa kepentingan dari hartanya selagi dia tidak menukar agamanya. Maka itu sesungguhnya adalah hartanya, dia boleh melakukan apa yang dia mahu.</p> <p>Telah meriwayatkan kepada kami Abu al-Walid, telah meriwayatkan kepada kami Syu’bah, dari ‘Adiy, dari Abu Hazim, dari Abu Hurayrah, dari Nabi SAW beliau berkata: “<i>Sesiapa (mati) meninggalkan harta, maka (ianya adalah) untuk pewaris-pewarinya; dan sesiapa yang (mati) meninggalkan anak-anak (tanpa harta), maka ianya tanggungjawab kami (memberi nafkah dari Baitul Mal).</i></p>	<p>Kitab: Sirah Nabi SAW</p> <p>Bab: Pembakaran dan perobohan</p> <p>Telah meriwayatkan kepada kami Qutaybah, telah meriwayatkan kepada kami al-Layth, dari Nafi’, dari Ibn Umar bahawasanya; <i>Rasulullah SAW telah membakar pohon-pohon kurma Bani al-Nadhir dan menebangnya, dan ianya adalah (kebun) al-Buwayrah. Maka Allah menurunkan (ayat maksudnya): {Apa yang kamu tebang dari pohon-pohon kurma atau membiarkannya berdiri di atas pangkalnya, maka (ianya) dengan keizinan Allah, dan bagi memberi balasan hina kepada orang-orang yang berbuat kefasikan}</i></p> <p>Dalam topik berkenaan (juga ada riwayat) dari Ibn Abbas, dan hadith ini (berstatus) hasan sahih.</p> <p>Sebahagian ilmuan telah berpendapat begini (sebagaimana kandungan hadith) dan tidak salah menebang pokok dan meruntuhkan benteng pertahanan (musuh).</p>

	<p>Sebahagian mereka (ilmuan) tidak menggalakkan, dan ianya adalah pandangan al-Awza'i, (justeru) beliau berkata: '(Khalifah) Abu Bakar al-Siddiq telah melarang menebang pokok yang menghasilkan buah atau meruntuhkan bangunan, serta orang-orang Islam selepasnya mengamalkan demikian.'"</p> <p>Imam Syafi'I berkata: "Tidak salah membakar di tanah musuh dan memotong pohon biasa dan pohon berbuah".</p> <p>Imam Ahmad berkata: "Adakalanya berlaku situasi yang tiada jalan lain (melainkan membakar dan menebang). Adapun tanpa tujuan, ditegah membakar."</p> <p>Ishaq (ibn Rahawayh) berkata: Membakar adalah sunnah sekiranya ianya lebih (berkesan) memusnahkan mereka (musuh)."</p>
--	---

(25 markah)

### **Soalan 2**

Jelaskan **lima (5)** faktor generasi sahabat dan generasi tabi'in lebih menguasai pemahaman hadith berbanding generasi selepas mereka.

(25 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**